

PERTANDINGAN MENCipta Logo (BARU) JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PERAK

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak akan menganjurkan **Pertandingan Merekacipta Logo Jabatan Kehakiman Syariah Perak** bersetujuan dengan aspirasi serta hasrat YAA. Ketua Hakim Syarie untuk menjenamakan semula dan membuat transformasi ke atas logo jabatan sedia ada. Pertandingan ini juga adalah untuk memilih sebuah logo yang boleh digunakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Perak untuk menonjolkan imej baru jabatan.

1. OBJEKTIF PERTANDINGAN

- 1.1 Membangunkan imej serta memberi nafas baru kepada Logo jabatan sedia ada disamping memberi peluang kepada Pegawai dan Kakitangan JKSPK, untuk menonjolkan tahap kreativiti dalam mencipta logo jabatan.

2. OBJEKTIF LOGO BARU

- 2.1 Mewujudkan suasana kerja yang lebih harmoni, berdaya saing, telus, selamat dan kondusif;
- 2.2 Menggalakkan amalan kerja yang lebih sistematik dan produktif;
- 2.3 Menjadi asas kepada penambahbaikan produktiviti jabatan;
- 2.4 Merupakan usaha penambahbaikan berterusan di dalam Sistem Pengurusan Kualiti;
- 2.5 Menggalakkan budaya kerja berpasukan dan saling bekerjasama;
- 2.6 Membentuk imej dan kecemerlangan organisasi

3. PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO

Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Kehakiman Syariah Perak akan menganjurkan satu pertandingan mencipta logo. Semua Pegawai dan Kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Perak adalah dipelawa untuk menyertai pertandingan ini.

4. SLOGAN

Slogan rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Perak iaitu “Syariah Asas Keadilan” hendaklah dikekalkan.

5. TEMA

Logo hendaklah memaparkan hasrat serta matlamat jabatan yang ingin diketengahkan serta matlamat yang akan dicapai.

6. SPESIFIKASI

6.1. Saiz

Reka cipta logo jabatan ini perlu disediakan dengan menggunakan aplikasi komputer dan disimpan dalam fail asal (*softcopy*) dalam bentuk *J-peg* (CD) dan dalam bentuk *hardcopy* pada kertas bersaiz A4 yang berukuran 210mm x 297mm.

6.2. Rekaan

Warna dan corak pada setiap logo yang dicipta mesti disertakan dengan penerangan dan rasional dalam Bahasa Malaysia. Rekaan logo juga boleh dibuat dalam bentuk 2 atau 3 dimensi.

Peserta boleh menggunakan gabungan tulisan rumi dan jawi selari dengan tujuan penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Perak.

6.3 Kegunaan logo

Logo yang digubah perlu sesuai untuk digunakan dalam menaikkan lagi imej jabatan serta memartabatkan Institusi Kehakiman di Negeri Perak.

6.4 Keaslian logo

Reka bentuk logo mestilah asli dan tidak boleh mengandungi unsur yang dianggap sensitif dari segi kaum, budaya, dan agama serta sesuai digunakan di Jabatan Kehakiman Syariah Perak.

7. BENTUK PROMOSI

7.1 Pertandingan akan diwar-warkan melalui emel, portal rasmi Jabatan serta melalui aplikasi *Whatapps*.

8. SYARAT PENYERTAAN

- 8.1 Terbuka kepada semua Pegawai dan Kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Perak. Semua penyertaan hendaklah sampai ke alamat di bawah dan diterima sebelum atau pada jam **4.00 petang, 28 Februari 2018**.

Urusetia Pertandingan Mencipta Logo
Jabatan Kehakiman Syariah Perak
Bahagian Khidmat Pengurusan
Aras 3, Jalan Pari Off Jalan Tun Razak
30100 Ipoh

(u.p: Puan Norzita binti Abdullah) Tel: 05-5018400
Email: norzita_abdullah@esyariah.gov.my

- 8.2 Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan. Setiap penyertaan mestilah disertakan dengan borang penyertaan yang lengkap diisi dengan butiran peserta.
- 8.3 Peserta hendaklah memastikan keaslian logo yang dicipta terpelihara. Pihak Urusetia tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga ke atas hakcipta logo tersebut.
- 8.4 Setiap penyertaan logo yang diterima tidak akan dipulangkan dan akan menjadi hak milik jabatan. Selain itu, Jabatan mempunyai hak untuk menggunakan logo yang diterima dan mendaftarkannya sebagai hak milik harta intelek Jabatan.
- 8.5 Pihak Jabatan juga mempunyai hak untuk mengubah suai logo yang direka cipta oleh peserta.

- 8.6 Pemenang akan dihubungi melalui telefon, e-mel atau pemberitahuan menerusi website Jabatan. Walau bagaimanapun, Urusetia berhak untuk tidak memilih pemenang di kalangan peserta yang bertanding sekiranya panel hakim memutuskan bahawa tiada peserta yang layak dianugerahkan sebagai pemenang utama.
- 8.8 Segala kos untuk menyertai pertandingan ini atas tanggungan peserta sendiri.

9. PENGADILAN

- 9.1 Setiap penyertaan akan dinilai dari aspek konsep, kreativiti, dan keaslian oleh satu panel juri yang dilantik oleh Pengurusan JKSPK.
- 9.2 Keputusan panel juri adalah muktamad dan sebarang surat menyurat/bantahan tidak akan dilayan.

10. HADIAH

- 10.1 Satu hadiah sahaja yang akan diberi kepada pemenang utama.
- 10.2 Peserta yang terpilih sebagai pemenang utama akan menerima hadiah seperti berikut:

Hadiyah Utama Logo Terbaik :

- 1. Wang Tunai**
- 2. Sijil Penghargaan**